



## SIARAN AKHBAR

### **PENYALAHGUNAAN GAMBAR MATA WANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) mengambil perhatian mengenai beberapa gambar yang mengandungi rekabentuk mata wang Negara Brunei Darussalam yang telah dikelilingkan melalui pesanan ringkas dan media sosial di negara ini.
2. BDCB ingin mengingatkan orang ramai bahawa membuat, menjual, mengeluarkan, atau mengedarkan apa jua barangan atau produk yang mempunyai gambar mata wang dan duit syiling Negara Brunei Darussalam dalam apa jua saiz, skala ataupun warna, termasuk penggunaannya dalam sebarang iklan, tanpa kebenaran BDCB merupakan satu kesalahan di bawah Bab 21 (1), Perintah Mata Wang, 2004.
3. Bab 21 (2), Perintah Mata Wang, 2004 juga menyatakan bahawa tidak ada seseorang pun boleh, kecuali dengan kebenaran BDCB, mengimport, membuat, menjual dan mengedar apa-apa barang atau hasil yang menyerupai reka bentuk atau sebahagian daripada reka bentuk yang digunakan pada mata wang atau duit syiling Negara Brunei Darussalam.
4. Kesalahan ini boleh membawa kepada hukuman denda, atau penjara selama tempoh tidak melebihi 15 tahun, atau kedua-duanya sekali.
5. BDCB komited untuk mengekalkan kualiti dan menegakkan integriti mata wang dan duit syiling Negara Brunei Darussalam dalam edaran dan untuk menjaga sistem kewangan dan monetari domestik.
6. Maklumat lanjut boleh didapati di laman sesawang BDCB [www.bdcb.gov.bn](http://www.bdcb.gov.bn) atau melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

#### **Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 9 Safar 1446H/ 14 Ogos 2024M

Rujukan: BDCB/COMMS/3

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) mempunyai empat objektif utama iaitu untuk: mencapai dan mengekalkan kestabilan harga domestik; memastikan kestabilan sistem kewangan, melalui peraturan kewangan dan piawai yang berhemat; membantu dalam mengadakan sistem pembayaran yang cekap; dan menggalakkan dan mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh serta progresif.

